

PM mahu pelajar kita di seberang laut tidak ketepikan institusi agama

U.M. 25 SEP 1992

DUBLIN 24 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir mahu pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut tidak mengeneikan institusi agama dan mengekalkan akhlak, yang tinggi ketika menegajar ilmu pengetahuan di negara asing.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak seharusnya menolak pergaulan dengan masyarakat di negara mereka menuntut kerana interaksi membina keyakinan, pengalaman dan pengetahuan yang penting bagi masa depan pelajar.

"Bagaimana pun, kita harus mempunyai garis pemisah dalam menerima dan mengenali budaya mereka. Mana-mana yang baik boleh diterima tanpa melupakan moral, budaya dan institusi agama seperti perkahwinan," tegasnya.

Dalam pertemuan dengan pelajar-pelajar Malaysia di Ireland yang sebahagian besarnya adalah penuntut di bidang perubatan beliau menasihatkan mereka supaya tidak menghampakan harapan kerajaan, ibubapa dan rakyat yang berkorban dalam membiayai pelajaran mereka di seberang laut.



ABUDULLAH HASSAN

WAKIL UTUSAN
LONDON

Katanya, ibubapa mahukan anak mereka memiliki pelajaran yang tinggi dan kerajaan mahu rakyat yang berpelajaran dan berpengalaman.

Hanya menerusi pergaulan dan bertukar pendapat dalam bahasa tempatan ketika belajar di negara lain, pelajar dapat menimba pengalaman dan membentuk keyakinan diri.

Mulia

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, dalam menegajar itu semua, pelajar tidak seharusnya melupakan asas moral, budaya dan institusi agama yang telah menjadikan mereka satu bangsa yang berakhlak mulia.

"Kita boleh mencontohi sesuatu yang baik di Barat tetapi perlu menolak sesuatu yang bertentangan dengan institusi agama, moral dan budaya

kita. Di Amerika, ada penduduk yang membina keluarga tanpa kahwin dan di Britain, trend ini mula meluas," kata Dr. Mahathir.

Dalam pergaulan, pelajar harus mengadakan garis pemisah dan jangan lupa tuntutan agama dan budaya ketika bergaul dengan mereka, tambahnya.

"Walaupun kita tidak sukakan cara mereka, ini tidak bererti kita tidak boleh bercampur dengan mereka. Yang penting kita cari pengalaman untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada ilmu yang kita peroleh dari seberang laut," jelasnya.

Perdana Menteri mengulangi penekanannya bahawa Malaysia mahukan rakyat yang terpelajar untuk maju dan terus membangun. Kalau ini tidak tercapai, negara akan terus tertindas. — Utusan.